

IBU PEJABAT JPS MALAYSIA

Surat Pekeliling JPS. UB. 4/94

**GARISPANDUAN MENETAPKAN AMAUN DENDA
GANTIRUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN**

1.0 **TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memperkemaskan serta menyeragamkan tatacara pengiraan amaun denda gantirugi tertentu dan ditetapkan yang dinyatakan dalam dokumen tender.

2.0 **LATARBELAKANG**

Buat masa ini tiada terdapat sebarang peraturan yang khusus mengenai perkiraan denda gantirugi tertentu dan ditetapkan. Oleh itu selaras dengan perkembangan semasa, satu garis panduan perlu diadakan bagi menetapkan cara perkiraan yang seragam bagi denda gantirugi semasa penyediaan dokumen tender.

3.0 **CARA PERLAKSANAAN.**

3.1 **Kaedah Perkiraan**

- 3.1.1 Perkiraan dan penetapan amaun denda gantirugi bagi sesuatu projek hendaklah berdasarkan formula seperti di bawah ini:-

$$\text{Peratusan LAD} = \frac{\text{PR/SETAHUN}}{365 \text{ HARI}}$$

dimana:

PR/Setahun = 'Prime Rate' yang dikeluarkan dari mana-mana bank perdagangan.

- 3.1.2 Contoh perkiraan adalah seperti berikut:-

Prime Rate : Katakan 10%
(dari bank perdagangan)

$$\therefore \text{Peratusan denda gantirugi} = \frac{10\%}{365 \text{ hari}}$$

$$= 0.0273\% / \text{sehari.}$$

- 3.1.3 Prime Rate yang dipakai dalam menentukan peratusan LAD hendaklah didapatkan dari mana-mana bank perdagangan yang terdapat di daerah di mana projek berkenaan dilaksanakan.

3.2 **CATATAN DALAM DOKUMEN TENDER**

- 3.2.1 Peratusan denda gantirugi yang diperolehi hendaklah dicatatkan sebagai peratusan dari nilai kontrak (termasuk wang peruntukan sementara dan wang kos prima) pada Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak bertentangan dengan Fasal 40.

Contoh:

Fasal 40 : Denda Gantirugi Tertentu dan
Ditetapkan pada kadar: RM 0.0273%
dari nilai
kontra
k/sehari.

4.0 **TINDAKAN SEMASA PENYEDIAAN DOKUMEN KONTRAK**

- 4.1 Pejabat yang menyediakan dokumen kontrak hendaklah mencatatkan nilai sebenar Denda Gantirugi Tertentu yang ditetapkan ini kedalam lampiran kepada Syarat-Syarat Kontrak bertentangan dengan Fasal 40. Nilai yang dipenuhi hendaklah dikenakan kepada angka puluh yang terdekat.

5.0 **TARIKH KUATKUASA**

- 5.1 Peraturan ini berkuatkuasa mulai tarikh Surat Pekeliling ini.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

(IR. FERNG MEOW CHONG)
Timbalan Ketua Pengarah I
b.p: Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

Bil. Fail: () dlm. PPS. 10/4/2 CUB Jld.2